

# Saintis S'pura bangun kit ujian darah pantas tentukan kekuatan tubuh lawan Covid-19

HANYA menggunakan setitik darah daripada tusukan jari, satu kit ujian darah pantas baru yang dibangunkan oleh saintis di Singapura boleh menentukan sama ada tubuh seseorang itu mempunyai kekuatan melawan penyakit Covid-19 dan variannya.

Ujian mengambil masa hanya 10 minit untuk menunjukkan keputu-

san, berbanding dengan 24 hingga 72 jam yang diperlukan untuk ujian makmal konvensional.

Kit ujian itu dibangunkan oleh pasukan saintis dari Singapore-MIT Alliance for Research and Technology (Smart), syarikat penyelidikan MIT di Singapura, dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Smart dan NTU, dalam satu ken-



yataan media, semalam, berkata kit itu boleh mengesan tahap neutral antibodi terhadap Sars-CoV-2, virus yang menyebabkan Covid-19, dan variannya, seperti Delta dan Omicron.

Ujian itu, yang menggunakan ujian berasaskan kertas yang disalut dengan bahan kimia yang mengikat antibodi dalam sampel darah, mem-

punyai ketepatan sehingga 93 peratus, kata kedua-dua institusi itu.

Ia boleh disesuaikan dengan mudah bagi varian dan penyakit lain pada masa hadapan, tambahnya.

Ujian itu juga boleh dilakukan oleh seseorang tanpa latihan perubahan kerana ia tidak memerlukan penggunaan peralatan makmal khusus.

**CEPAT DAN TEPAT:**  
Ujian mengambil masa hanya 10 minit untuk menunjukkan keputusan, berbanding dengan 24 hingga 72 jam yang diperlukan untuk ujian makmal konvensional. – Foto NTU